

# Lubang maut menanti mangsa

19/10/2006 KOSMO

KLANG - Mengundang maut. Lubang sedalam lebih tiga meter di Taman Pengkalan Batu di sini hanya menanti masa untuk meragut nyawa mangsanya.


Tinjauan *KOSMO!* semalam mendapati, penutup besi pintu kawalan air automatik (*flap gate*) milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Klang itu telah lesap dan dipercayai dicuri penjual besi buruk.

Menurut seorang penduduk Hanip Said, 61, lubang yang terbiar sejak lebih dua bulan itu amat berbahaya kepada pengunjung yang datang beriadah di situ terutamanya kanak-kanak.

"Saya bimbang kalau ada anak-anak kecil yang terjatuh ke dalam lubang tersebut ketika bermain di kawasan berhampiran," katanya.

Lebih buruk lagi, katanya, lubang pintu kawalan air automatik itu menghubungkan terus dengan sungai Klang dan ini mampu mengancam nyawa sesiapa sahaja yang terjatuh ke dalam lubang tersebut.

Seorang pengunjung, Talam Samhudi, 34, kesal dengan tindakan segelintir penjual besi buruk yang mencuri penutup besi pintu kawalan



SEORANG penduduk menunjukkan lubang maut di Taman Pengkalan Batu, Klang semalam.

air automatik tersebut dan membiarkan ia ternganga sehingga boleh mengancam keselamatan orang awam.

"Saya berharap agar penutup besi yang hilang diganti baru bagi memastikan keselamatan di sini terjamin,"

ujarnya.

Sementara itu, seorang penghuni berhampiran, Damia Nordin, 21, berharap agar JPS Klang dapat menggantikan penutup besi tersebut dengan secepat mungkin sebelum kejadian tidak

diingini berlaku.

"Dalam masa yang sama, Majlis Perbandaran Klang juga perlu memantau dan memastikan taman rekreasi ini berada dalam keadaan terkawal serta selamat untuk dikunjungi," tambahnya.